



## Tahap amalan guru besar serta pengajaran dan pembelajaran guru sekolah rendah

Nurul Huda Ab Rahman<sup>1</sup>, Azlin Norhaini Mansor<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Nurul Huda Ab Rahman (email: nuurhuda907@gmail.com)

### Abstrak

Kajian berbentuk deskriptif ini dijalankan secara tinjauan melalui edaran soal selidik di sekolah rendah zon 2 dalam daerah Gua Musang, Kelantan. Kajian dijalankan bertujuan untuk mengetahui persepsi guru terhadap amalan pengurusan guru besar dan pembelajaran pengajaran guru di sekolah. Seramai 120 orang guru telah dipilih secara rawak untuk menjayakan kajian ini dengan mengedarkan soal selidik berkaitan persoalan kajian kepada guru-guru terlibat. Kaedah kuantitatif digunakan dan data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Kajian deskriptif dijalankan dan hasil dapatan dipamerkan dalam bentuk min, kekerapan dan peratusan. Hasil kajian secara keseluruhan menunjukkan tahap kepimpinan pentadbir di sekolah adalah tinggi; pengurusan organisasi guru besar sekolah adalah tinggi; tahap amalan guru besar dalam aspek pengurusan kurikulum, kokurikulum dan sukan serta hal ehwal murid adalah tinggi; dan tahap amalan pengajaran dan pembelajaran guru juga tinggi. Beberapa cadangan juga dikemukakan sebagai langkah untuk meningkatkan lagi tahap kepimpinan guru besar dan pengajaran dan pembelajaran guru.

**Kata kunci:** guru, guru besar, kepimpinan, pengajaran dan pembelajaran, pengurusan organisasi, sekolah rendah

## The level of headmaster leadership and the teaching and learning of primary school teacher

### Abstract

This descriptive study was conducted through a survey method by distribution of questionnaires in the Zone 2 primary school of Gua Musang, Kelantan. The study was conducted to investigate the teachers' perception of management practices of headmaster and the teaching and learning of teachers in schools. One hundred and twenty teachers were selected randomly to answer the questionnaires related to the research questions. Quantitative methods were used and data were analyzed using the software *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Descriptive method was used to describe the findings and results were presented in the form of mean, frequency and percentage. The results showed that the overall level of leadership of the administrator is high; the organizational management of the headmaster is high; the headmaster's management practice of curriculum, co-curricular and sports activities and students' affair is also high, and the practices of teaching and learning of teachers are also high. A few suggestions are presented as a guide to further improve the level of leadership of the headmaster and the teaching and learning of the teacher.

**Keywords:** teacher, headmaster, leadership, teaching and learning, organization management, primary school

## Pengenalan

Pendidikan merupakan modus operandi utama untuk menetapkan hala tuju kemajuan sosial, ekonomi, politik untuk terus membangunkan negara. Keharmonian, keamanan, pembangunan dalam bidang sains dan teknologi, keutuhan struktur politik, dan juga tolak ansur antara agama dan kaum yang majmuk seperti negara Malaysia dapat disemai dan diwujudkan sekiranya masyarakat mempunyai tahap pendidikan yang tinggi (Suffean, 2004). Untuk menggapai setiap matlamat pendidikan, setiap negara mengadakan strategi masing-masing. Begitu juga dengan Malaysia yang sudah termaktub dalam Rancangan Malaysia ke-9 untuk mengupayakan dan memperkasakan sekolah dari aspek meningkatkan pertumbuhan sekolah-sekolah efektif yang dinilai berlandaskan skor penarafan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) tahun 2010 yang terdiri daripada empat dimensi iaitu hala tuju kepimpinan, pengurusan organisasi, pengurusan program pendidikan dan kemenjadian murid.

Menurut Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, untuk mewujudkan anjakan paradigma seperti yang diaspirasikan iaitu 'kita harus berasaskan kemajuan yang telah dizahirkan dalam sistem secara keseluruhan; memperluaskan kebaikan pembangunan tersebut secara holistik khususnya golongan murid yang tercicir; dan memberi bantuan kepada semua murid mencapai kecemerlangan'. Kementerian Pendidikan akan memberi pelbagai sumber bagi membuat transformasi dengan membuat strategi yang berlainan terhadap elemen yang paling utama iaitu kemenjadian murid. Strategi kementerian ialah mengutamakan kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan akses terhadap informasi yang sumbernya boleh dipercayai dan bermakna, kebertanggungjawaban dan kesahan serta iklim dan prasarana pembelajaran yang bersesuaian.

Selain itu, pihak berkepentingan sekolah juga jelas mengenai tahap kualiti yang mesti wujud bagi setiap murid. Secara kesimpulannya, tenaga pengajar, ibu bapa, murid, dan ahli masyarakat lain bersependapat dalam visi pendidikan sebagai satu wadah kemajuan murid secara menyeluruh dari segi rohani, intelek, emosi, dan jasmani. Selain itu, visi juga sebagai tunggak kepada semua kerja penambahbaikan sistem pendidikan sejak Falsafah Pendidikan Kebangsaan diubah pada 1988 (KPM, 2013).

Asas pembangunan sesebuah negara menuju taraf negara maju adalah berdasarkan sistem pendidikan yang berkualiti, sistematik, dan menyeluruh. Bagi meningkatkan pembangunan ekonomi dan kemakmuran negara, sistem ini perlu disediakan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada generasi kini (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012). Secara amnya kualiti pendidikan ditetapkan oleh kualiti pelajar yang dihasilkan dalam sistem pendidikan. Kualiti pengajaran guru mampu menentukan pembentukan kualiti pelajar. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan melalui pelbagai inisiatif yang terletak di bahu Bahagian Pendidikan Guru untuk menentukan kualiti guru seperti komuniti pembelajaran profesional (PLC) (Zanaton, 2013).

Terdapat banyak persamaan amalan bagi sekolah yang meningkat dengan pantas dan sekolah yang berprestasi baik yang telah dikenalpasti oleh Kementerian. Namun, wujud jurang besar antara amalan sekolah yang berprestasi baik dengan sekolah berprestasi rendah. Sekolah berprestasi rendah amnya berdepan dengan jumlah program yang dilaksanakan dan menyatakan bahawa mereka stres dan *burn out*. Berbeza pula dengan sekolah yang mencatatkan peningkatan cepat atau sekolah berprestasi baik, pemimpin sekolahnya seorang yang berpemahaman yang jitu tentang perkara utama bagi kepentingan sekolah serta mengambil langkah tegas dengan menekankan guru dan ahli sekolah kepada perkara penting yang harus dilakukan. Ia menunjukkan peranan utama yang dilaksanakan oleh pemimpin sekolah untuk menggapai pencapaian sekolah (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012).

Pendidikan di sekolah-sekolah luar bandar diperkatakan mempunyai banyak kelemahan dalam pelbagai aspek jika hendak dibandingkan dengan pendidikan di sekolah-sekolah bandar. Murid sekolah luar bandar dilaporkan tidak mempunyai daya saing dan minat terhadap pelajaran jika dibandingkan dengan murid sekolah bandar (Zakaria et al., 2010).

Merujuk kepada situasi ini, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti tahap amalan guru besar berdasarkan dimensi kepimpinan dan hala tuju; pengurusan organisasi; dan pengurusan kurikulum,

kokurikulum dan sukan; serta hal ehwal murid. Selain itu, kajian juga ingin mengenalpasti tahap pembelajaran dan pengajaran guru bagi 3 sekolah Zon 2 dalam Daerah Gua Musang yang mendapat band sederhana.

## **Kajian literatur**

Masyarakat moden memerlukan sekolah untuk memainkan peranan dalam menentukan keberlangsungannya. Bagi masyarakat luar bandar, sekolah dilihat semakin penting sebagai agen transformasi masyarakat tradisi kepada masyarakat yang lebih maju. Justeru, perlu bagi sesebuah sekolah diperlengkapkan untuk memenuhi tuntutan komuniti luar bandar. Persoalan yang timbul ialah sama ada sekolah di luar bandar pada hari ini dapat memainkan peranan dengan berkesan (Zakaria et al., 2010).

Organisasi sekolah dan iklim juga menjadi indikator utama dalam mempengaruhi pembentukan sahsiah dan pencapaian pelajar. Indikator sekolah terdiri daripada guru, infrastruktur, suasana pembelajaran, sistem pendidikan, pembiayaan pendidikan, cara penyampaian pendidikan, program sokongan dan hubungan sekolah dan komuniti. Indikator iklim pula merangkumi komuniti, budaya suatu bangsa atau kaum serta sistem sokongan yang terdapat pada masyarakat yang boleh mencorak kehidupan seseorang murid. Budaya belajar seorang individu murid dibentuk oleh pelbagai indikator khasnya faktor keluarga, sekolah serta persekitaran yang boleh menetapkan kejayaan atau kegagalan seseorang murid dalam mana-mana bidang dan dalam kehidupan realitinya (Faridah et al., 2005).

Menurut Baharom et al. (2009), berdasarkan tafsiran tersebut, dapat disimpulkan bahawa kepemimpinan pendidikan sebagai satu proses yang mana seseorang guru besar yang berperanan sebagai pemimpin mempengaruhi tingkah laku para guru, pelajar dan subordinat sekolah untuk menerima kepemimpinannya ke arah mencapai tujuan dan matlamat yang ditetapkan.

Kepimpinan pengajaran boleh didefinisikan dengan segala tindakan yang diambil guru besar, atau diwakili individu lain bertujuan membangunkan prestasi pembelajaran pelajar. Antara tindakan tersebut adalah seperti menentukan visi sekolah, mendefinisikan matlamat sekolah, menyampaikan sumber pembelajaran yang diperlukan, menyusun program pembangunan subordinat, melakukan penyeliaan dan penilaian guru, dan merangsang hubungan serta kerjasama antara guru-guru (Mohd Yusri & Aziz, 2014).

### *Model kepemimpinan instruksional*

Berdasarkan kajian ini, kepemimpinan instruksional pengetua dapat ditafsirkan sebagai setiap tingkah laku dan peranan sebagai amalan guru besar dalam kerja-kerja kepemimpinan instruksional yang cenderung kepada pengurusan yang dapat menambah baik aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru dan murid ke arah lebih baik bertujuan bagi menggapai matlamat sekolah. Kepimpinan instruksional ini juga adalah seperti yang dinyatakan dalam Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1987).

Berdasarkan model Hallinger dan Murphy (1987) menyatakan terdapat tiga dimensi penting yang membangunkan kepemimpinan pengajaran iaitu (i) mendefinisi matlamat sekolah, (ii) mengurus kurikulum dan pengajaran, serta (iii) mewujudkan iklim pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Di dalam konteks mendefinisikan matlamat sekolah, disenaraikan dua tingkah laku iaitu menetapkan matlamat sekolah dan menjelaskan matlamat sekolah. Matlamat sekolah yang terkandung dalam visi dan misi sekolah adalah elemen penting yang membangunkan pemimpin pengajaran di sesebuah sekolah.

### *Faktor kemunduran pendidikan luar bandar*

#### **a. Kemiskinan**

Keluarga murid membataskan usaha pihak sekolah untuk melibatkan ibu bapa dalam mencari formula yang berkesan ke arah meningkatkan prestasi anak dalam matapelajaran kerana kemiskinan hidup. Mereka lebih menggalakkan anak-anak untuk membantu mencari rezeki untuk kelangsungan hidup akan

datang. Kesempitan hidup juga menghalang keupayaan mereka untuk membeli, menyimpan dan membaca buku. Kegagalan dalam menyediakan buku latihan tambahan bagi anak-anak mengulangkaji. Bagi ibu bapa tidak berkemampuan, mereka hanya bergantung kepada sumbangan buku teks oleh pihak sekolah semata-mata. Selain itu, alatan sekolah seperti alat tulis juga tidak mampu disediakan dengan sempurna. Kebanyakan ibu bapa yang mempunyai pendapatan yang lebih tinggi tidak turut serta bekerjasama dalam kesepaduan fikiran disebabkan beranggapan bahawa anak mereka sudah pandai serta hanya mengharapkan usaha guru bagi membantu anak-anak mereka menjadi cemerlang (Zalika et al., 2009). Kebanyakan mereka lebih mengharapkan usaha pihak sekolah dan kurang memberi kerjasama.

b. Kurang perhatian terhadap pendidikan

Akibat kurang mendapat perhatian ibu bapa terhadap pembelajaran anak-anak. Contohnya, ibubapa yang enggan menghantar anak-anak ke sekolah agama kerana persepsi mereka bahawa sekolah agama tidak penting dan hanya menjejaskan sesi pembelajaran anak-anak di sekolah harian. Oleh itu, sekolah agama kurang mendapat tempat di hati masyarakat (Zalika, 2009)

c. Tiada motivasi belajar

Murid beranggapan bahawa sekolah merupakan tempat yang menghadkan kebebasan bergerak mereka sekaligus menyebabkan kebanyakan murid tidak punyai minat dalam pembelajaran. Mereka lebih berminat untuk membantu ibu bapa menjalankan pekerjaan kampung, di samping berlakunya kekurangan bahan membantu pembelajaran yang efektif dalam kelas dan peningkatan tahap pembelajaran murid tidak mungkin akan berlaku. Ini disokong oleh Faridah et al. (2005) bahawa kurangnya motivasi dalam menggalakkan belajar akan membantutkan perkembangan kognitif; masalah moral; sikap sendiri yang rendah; buta huruf dan pencapaian rendah; ketidakhadiran ke sekolah dan tercicir dari sekolah; dan pengurangan enrolmen ke universiti.

d. Kesukaran merubah persepsi

Persepsi murid-murid sekolah luar bandar terhadap pelajaran selepas peperiksaan agak sukar untuk diubah. Kesukaran ini dialami oleh pihak sekolah bagi menyediakan aktiviti yang selari dengan keperluan, kebolehan dan tahap pencapaian mereka disebabkan kurangnya minat dan kesedaran mereka terhadap kepentingan untuk datang ke sekolah masih pada peringkat rendah. Oleh itu, tahap pemikiran dan penguasaan ilmu pengetahuan mereka masih rendah dan akan terus berada pada takuk lama sekiranya tiada sebarang transformasi (Zalika, 2009).

e. Kesukaran saluran teknologi

Selain itu, pihak sekolah menghadapi kekangan dalam menyampaikan teknologi kepada murid kerana segelintir ibu bapa yang berpandangan bahawa teknologi hanya sesuai untuk murid-murid di sekolah bandar yang mana ibu bapa mempunyai pendapatan tinggi dan hanya daripada golongan atasan. Ini mengganggu usaha pihak sekolah dalam menyeru ibu bapa turut serta berusaha ke arah pendidikan cemerlang anak-anak. Menurut Sharifah dan Kamarul Azman (2011), kecenderungan dan minat pelajar dalam pembelajaran dan penggunaan ICT perlu dieksploitasikan oleh guru dan ibu bapa dengan membimbing murid yang juga anak mereka dengan penggunaan yang betul.

## Metodologi kajian

Dalam penyelidikan ini, penyelidik memilih cara kuantitatif dalam bentuk tinjauan. Instrumen dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Dalam kajian ini, pengkaji mendapatkan maklumat-maklumat tambahan daripada rujukan daripada perpustakaan, dokumentasi, laman web dan pusat sumber.

Dalam penyelidikan ini, populasi kajian ialah guru-guru yang bertugas di tiga buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di Zon 2 Daerah Gua Musang. Penentuan saiz sampel berpandukan jadual Krejcie dan

Morgan (1970). Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) menunjukkan bahawa dengan 174 orang populasi kajian, seramai 120 orang sampel kajian adalah bersesuaian. Sebanyak 200 borang soal selidik telah diedarkan tetapi pengkaji hanya berjaya mengumpul semula sebanyak 120 borang sahaja. Oleh itu, seramai 120 orang responden telah terlibat dalam kajian ini.

Bagi menjawab persoalan kajian yang dikaji borang soal selidik digunakan sebagai instrumen penyelidikan. Borang soal selidik yang digunakan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Maklumat yang diperlukan dalam Bahagian A adalah umur, jantina, pengalaman mengajar. Item-item dalam Bahagian B adalah untuk mengukur amalan guru besar sekolah dalam aspek kepimpinan dan hala tuju, tahap amalan pengurusan organisasi guru besar sekolah, tahap amalan guru besar dalam aspek pengurusan kurikulum, kokurikulum dan sukan serta hal ehwal murid dan mengenal pasti tahap amalan pengajaran dan pembelajaran guru sekolah rendah. Bahagian B soal selidik ini menggunakan kaedah skala Likert lima mata.

Analisis statistik deskriptif dijalankan untuk mendapatkan bilangan dan peratusan bagi bahagian demografi. Kekerapan dan peratusan pula diperolehi daripada Bahagian B. Berdasarkan statistik deskriptif tersebut pengkaji dapat menerangkan frekuensi min dan peratusan bagi semua data yang terdapat dalam instrument.

## Hasil kajian dan perbincangan

### *Profil Responden*

Berdasarkan Jadual 1, didapati bahawa kekerapan guru wanita merupakan responden paling ramai yang terlibat dalam kajian ini iaitu 70 orang (58.3%) berbanding guru lelaki hanya seramai 50 orang (41.7%).

**Jadual 1. Profil Responden**

Responden	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	50	41.7
Perempuan	70	58.3

Bilangan responden berumur 41-45 tahun adalah paling ramai iaitu 40 orang (33.33%). Diikuti dengan responden yang berumur 31-35 tahun seramai 30 orang (27.50%), responden yang berumur 46-50 tahun mempunyai kekerapan seramai 10 orang (8.33%). Bagi responden dengan umur 26-30 tahun jumlah kekerapan adalah 5 (4.17%), 51-55 tahun dan 56-60 tahun mempunyai kekerapan yang sama iaitu 1 orang (0.8%) (Jadual 2).

**Jadual 2. Umur Responden**

Umur (tahun)	Kekerapan	Peratus (%)
26 - 30	5	4.17
31 - 35	33	27.5
36 - 40	30	25.0
41 - 45	40	33.33
46 - 50	10	8.33
51 - 55	1	0.83
56 - 60	1	0.83

Responden yang mempunyai pengalaman berkhidmat dengan guru besar yang terkini bagi 1 tahun adalah seramai 101 orang (84.2%), responden yang mempunyai tempoh berkhidmat selama 2 tahun dengan guru besar terkini seramai 19 orang (15.8%) (Jadual 3).

**Jadual 3. Tempoh Berkhidmat**

Tempoh	Kekerapan	Peratus (%)
1 Tahun	101	84.2
2 Tahun	19	15.8

Merujuk kepada Jadual 4, jumlah kekerapan yang paling tinggi adalah gred guru DG41 dengan 55 (45.8%) diikuti dengan DG44 iaitu 28 (23.3%), DG34 dengan 23 (19.2%) dan DG32 adalah 10 (8.3%). Manakala, yang paling rendah adalah DG42 dengan jumlah 4 (3.3%)

**Jadual 4. Gred Guru**

Gred	Kekerapan	Peratus (%)
DG 32	10	8.3
DG 34	23	19.2
DG 41	55	45.8
DG 42	4	3.3
DG 44	28	23.3

#### *Analisis bahagian B*

Skala pengukuran berbentuk skala Likert bagi instrumen soal selidik digunakan untuk Bahagian B soal selidik didalam kajian ini dan tahap persetujuan yang digunakan ialah sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Item yang disenaraikan dalam soal selidik ini direka bentuk dalam corak positif iaitu skor yang tertinggi menunjukkan tahap amalan yang tinggi dan skor yang rendah iaitu sangat tidak setuju menunjukkan amalan yang tidak memuaskan. Instrumen yang diedarkan merupakan instrumen yang telah diadaptasi dari soal selidik (SKPM, 2010) dan diubahsuai mengikut persoalan kajian. Instrumen ini diedarkan kepada guru yang terlibat kecuali penyelia sekolah. Instrumen kemudian dikumpul sendiri oleh pengkaji dan dianalisis.

Keseluruhan data yang telah didapati telah dianalisis dengan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 22 berdasarkan keperluan soalan dan objektif kajian. Analisis deskriptif telah digunapakai untuk mengenal pasti kekerapan, peratus, sisihan piawai, dan tahap bagi kajian ini. Untuk mendapatkan kepastian analisis data, julat nilai maksimum dan nilai minimum yang diperoleh telah dibahagi kepada lima dengan setiap skor yang diperoleh berada pada tahap sangat rendah sekiranya nilai antara min=1.00 hingga 1.50. Setiap skor yang diperoleh berada pada tahap rendah sekiranya nilai antara min=1.50 hingga 2.50. Setiap skor yang diperoleh berada pada tahap sederhana. Sekiranya nilai antara min=2.50 hingga 3.50. Setiap skor yang diperoleh berada pada tahap tinggi sekiranya nilai antara min=3.50 hingga 4.50 dan setiap skor yang diperoleh berada pada tahap sangat tinggi sekiranya nilai antara min=4.50 hingga 5.00. Jadual 5 menunjukkan interpretasi skor min tahap amalan guru besar dalam dimensi kepimpinan dan hala tuju; pengurusan organisasi; dan pengurusan kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal. Di samping itu, interpretasi skor min juga menginterpretasi objektif kedua kajian iaitu tahap amalan pembelajaran dan pengajaran guru di sekolah.

**Jadual 5. Interpretasi skor**

Bil	Julat skor min	Tahap
1	$>4.50 \leq 5.00$	Sangat Tinggi
2	$>3.50 \leq 4.50$	Tinggi
3	$>2.50 \leq 3.50$	Sederhana
4	$>1.50 \leq 2.50$	Rendah
5	$1.00 \leq 1.50$	Sangat Rendah

Berdasarkan Jadual 6 menunjukkan bahawa kesemua item berada pada min yang memuaskan. Ini membuktikan amalan kepimpinan dan hala tuju guru besar ketiga-tiga sekolah adalah tinggi. Item penetapan dan pelaksanaan hala tuju dan kemahiran merancang adalah yang paling tinggi dengan skor min yang sama iaitu 4.37 berada pada tahap yang tinggi. Diikuti dengan item kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan skor min 4.35 juga masih berada pada tahap yang tinggi manakala item gaya kepimpinan dengan nilai min 4.34 dan item perkongsian kepimpinan mendapat nilai min 4.25 pada tahap yang tinggi. Oleh itu, item yang terendah dalam dimensi kepimpinan dan hala tuju ialah kepimpinan intruksional dengan skor min 4.19 pada tahap yang tinggi.

**Jadual 6. Kepimpinan dan hala tuju**

Item	Min	Sisihan piawai	Tahap
Gaya kepimpinan	4.34	.47494	Tinggi
Penetapan dan pelaksanaan hala tuju	4.37	.65736	Tinggi
Kemahiran merancang	4.37	.60887	Tinggi
Kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah	4.35	1.90046	Tinggi
Kepimpinan instruksional	4.19	.55430	Tinggi
Perkongsian kepimpinan	4.25	.56880	Tinggi
<b>Min keseluruhan</b>	<b>4.31</b>		<b>Tinggi</b>

Merujuk kepada Jadual 7 yang menunjukkan nilai min dimensi pengurusan organisasi guru besar iaitu 4.30 yang berada pada tahap yang tinggi. Item yang paling tinggi nilai minnya dalam dimensi ini adalah item iklim dengan skor min 4.47 pada tahap yang tinggi, diikuti dengan nilai min pengurusan data dan maklumat iaitu 4.34 pada tahap yang tinggi manakala item pengurusan prasarana dan item pengurusan kewangan, aset alih dan tidak alih kerajaan masing-masing mendapat skor min yang sama iaitu 4.30 pada tahap yang tinggi. Item pengurusan sumber manusia juga masih berada pada tahap yang tinggi beersamaan dengan nilai min 4.26 berbeza dengan item permuafakatan strategik pada tahap yang tinggi dengan skor min 4.14.

**Jadual 7. Pengurusan organisasi**

Item	Min	Sisihan piawai	Tahap
Pengurusan sumber manusia	4.26	.60327	Tinggi
Pengurusan prasarana	4.30	.56640	Tinggi
Pengurusan kewangan, aset alih dan aset tidak alih kerajaan	4.30	.57816	Tinggi
Pengurusan data dan maklumat	4.34	.52625	Tinggi
Iklim	4.47	.60455	Tinggi
Permuafakatan strategik	4.14	.57600	Tinggi
<b>Min keseluruhan</b>	<b>4.30</b>		<b>Tinggi</b>

Jadual 8 menunjukkan nilai min tiga item bagi dimensi pengurusan kurikulum, kokurikulum dan sukan dan hal ehwal murid. Nilai min yang tertinggi adalah pengurusan hal ehwal murid dengan skor min 4.41 pada tahap yang tinggi. Item pengurusan kokurikulum dan sukan pula mendapat nilai min 4.29 yang juga pada tahap yang tinggi dan yang paling rendah ialah nilai min item pengurusan kurikulum iaitu 4.37 namun masih pada tahap yang tinggi.

**Jadual 8. Pengurusan Kurikulum, Kokurikulum dan Sukan serta Hal Ehwal Murid**

Item	Min	Sisihan piawai	Tahap
Pengurusan kurikulum	4.27	.57778	Tinggi
Pengurusan kokurikulum dan sukan	4.29	.57324	Tinggi
Pengurusan hal ehwal murid	4.41	.53954	Tinggi
<b>Min keseluruhan</b>	<b>4.23</b>		<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 9 menunjukkan bahawa skor min yang tertinggi pada item amalan profesionalisme keguruan dengan nilai 4.26 pada tahap yang tinggi. Diikuti dengan item pengurusan kelas dengan nilai min 4.20, kaedah penyampaian 4.18, penggunaan sumber pendidikan 4.17, penilaian dan teknik penyoalan masing-masing mendapat nilai min yang sama iaitu 4.15 dan penguasaan isi mendapat nilai min 4.13 dan kesemua item berada pada tahap yang tinggi. Penglibatan murid dengan nilai min 3.99 masih pada tahap yang tinggi dan nilai min yang paling rendah adalah item hasil kerja murid namun masih pada tahap yang tinggi.

**Jadual 9. Pembelajaran dan Pengajaran Guru**

Item	Min	Sisihan piawai	Tahap
Penglibatan Murid	3.99	.63994	Tinggi
Hasil Kerja Murid	3.94	.58058	Tinggi
Kaedah Penyampaian	4.18	.52635	Tinggi
Penggunaan Sumber Pendidikan	4.17	.58517	Tinggi
Penilaian	4.15	.53826	Tinggi
Teknik Penyoalan	4.15	.55910	Tinggi
Penguasaan Isi Kandungan	4.13	.54521	Tinggi
Pengurusan Kelas	4.20	.55723	Tinggi
Amalan Profesionalisme Keguruan	4.26	.55547	Tinggi
<b>Min keseluruhan</b>	<b>4.13</b>		<b>Tinggi</b>

*Min keseluruhan empat aspek SKPM*

Berdasarkan Jadual 10, keseluruhan min bagi keempat empat dimensi adalah mengikut persepsi guru adalah tinggi. Skor min yang paling tinggi bagi amalan guru besar adalah dimensi pengurusan organisasi dan diikuti dengan dimensi kepimpinan dan hala tuju iaitu 4.31 pada tahap yang tinggi. Bagi min dimensi pengurusan kurikulum; kokurikulum dan sukan; dan hal ehwal pelajar pula, 4.26 manakala dimensi guru dalam pengajaran dan pembelajaran adalah paling rendah iaitu 4.12 namun masih di tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa amalan guru besar dalam ketiga-tiga dimensi selari dengan amalan pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah.



**Jadual 10. Aspek SKPM**

<b>Dimensi</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
Kepimpinan dan hala tuju	4.31	.53032	Tinggi
Pengurusan organisasi	4.34	.52281	Tinggi
Pengurusan kurikulum; kokurikulum dan sukan; dan hal ehwal pelajar	4.26	.53954	Tinggi
Pengajaran dan pembelajaran	4.12	.50993	Tinggi
<b>Min keseluruhan</b>	<b>4.26</b>		<b>Tinggi</b>

Keputusan kajian menyatakan semua responden bersetuju dan memberi pandangan yang positif terhadap amalan kepimpinan dan pengurusan guru besar. Tahap pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran guru juga menunjukkan keputusan yang positif. Ini menunjukkan bahawa mereka terlibat dalam keempat-empat aspek pada tahap yang tinggi dari empat aspek SKPM secara langsung. Ironinya, guru besar dapat menerima amalan ini dan menganalkannya dalam kepimpinan dan pengurusan pendidikan bagi mencorak amalan pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah pada masa kini. Mereka turut berperanan sebagai pemimpin dan pembimbing subordinat bagi melaksanakan tugas yang diamanahkan dalam meningkatkan prestasi sekolah.

## **Kesimpulan**

Kajian yang dilaksanakan ini diharapkan dapat memberi gambaran dan penjelasan kepada institusi pendidikan bahawa sekolah pedalaman dan berprestasi sederhana juga mempunyai amalan kepimpinan guru besar dan pengajaran dan pembelajaran guru pada tahap yang tinggi. Oleh itu, pengkaji berharap kajian akan datang akan terus dilakukan untuk mengenal pasti aspek-aspek lain yang mungkin akan membantu meningkatkan tahap prestasi sekolah-sekolah luar bandar ini melangkah ke peringkat yang lebih baik.

Output kajian ini juga diharap dapat membantu institusi pendidikan negara seperti PPD, JPN dan KPM untuk terus mengkaji dan mencari penyelesaian dalam membantu sekolah-sekolah luar bandar ini dari segi prasarana, profesionalisme guru besar dan guru dan aspek-aspek lain yang mungkin menjadi kekangan kepada pembangunan prestasi murid dan sekolah.

Guru besar sebagai pengurus tertinggi di sekolah harus memilih konsep amalan kepimpinan dan pengurusan secara bijaksana sebagai salah satu langkah untuk menggunakan sumber yang sedia ada dalam organisasi sekolah. Guru besar juga harus menitikberatkan bahagian dalam aspek membuat keputusan, tanggungjawab, penyelesaian masalah dan penetapan matlamat yang mana memerlukan campur tangan guru dan pihak pengurusan atasan pendidikan.

## **Rujukan**

- Affizal Ahmad (n.d) *Kepentingan pendidikan dalam pembentukan kualiti hidup sejahtera*. Universiti Sains Malaysia.
- Anuar Ahmad, Nelson J (2015) Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap *pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah*. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Lim TT (2010) *Gaya Kepimpinan guru besar dan hubungannya dengan faktor-faktor kepimpinan di sekolah penerima anugerah sekolah cemerlang di negeri Melaka*.
- Azlin NM, Jamalullail AW, Mohd IMH, Norhayati Y (2011) *Aktiviti kepimpinan pengetua di Asia Tenggara: Analisis data kajian TIMSS 2011*.

- Baharom M, Mohamad JS, Che Noraini H (2009) Kepimpinan Pendidikan Berkesan. *Seminar Keperolehan Kebangsaan Ke-VI*. Kampus Kota, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Conoley JC, Goldstein AP (2004) School Violence Intervention: *A practical handbook* (2nd ed.). Guilford, New York.
- Faridah AH, Naimah I, Hamidah Y, Habibah AR (2005) Kemiskinan dan pendidikan: Perubahan Minda Orang Melayu ke Arah Kecemerlangan Pendidikan Akademik. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (n.d). *Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan*.
- Hallinger P, Murphy JF (1987) Assessing and developing principal instructional leadership. *Educational Leadership* **45**, 54-61.
- Hesham RO (2009) *Kos persendirian pendidikan sekolah rendah: Kajian kes di daerah hilir Perak*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Jamilah Ahmad, Yusof Boon (2011) Amalan kepimpinan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) di Malaysia. *Journal of Edupres*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) *Dasar Pendidikan Kebangsaan*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013) *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2010) *Program Transformasi Kerajaan, Pelan Hala Tuju-Ringkasan Eksekutif*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2010) *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010*.
- Krejcie RV, Morgan DW (1970) Determining sample size for research activities educational and psychological measurement. *Duluth* **30**, 607-610.
- Mohd Najib Ghafar (1998) *Penyelidikan pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohd Yusri Ibrahim, Aziz Amin (2014) Model kepemimpinan pengajaran pengetua dan kompetensi pengajaran guru. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*.
- Muhammad Faizal AG, Norfariza MR, Simin G, Husaina BK (2014) pengurusan disiplin murid di sekolah kawasan bandar dan luar bandar: Perspektif pemimpin sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*.
- Saedah Siraj, Mohammed Sani Ibrahim (2013) merealisasikan penempatan kepimpinan berprestasi tinggi di setiap sekolah. *Seminar Kebangsaan kali ke IV, Majlis Dekan*.
- Pendidikan IPTA. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Sharifah Nor Puteh, Kamarul Azman Abd Salam (2011) Tahap kesediaan penggunaan ICT dalam pengajaran dan kesannya terhadap hasil kerja dan tingkah laku murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.
- Zakaria Kasa, Amir Hasan Dawi, Azhar Hj Wahid, Mohd Sani Madon, Mohd Noor Idris, Shaharudin Ali (2010) Isu pendidikan luar bandar di Perak. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Zalika Adam, Faridah Kassim, Mohamad Johdi Salleh (2009) Memperkasakan pendidikan luar bandar. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009*. Kota Kinabalu, Sabah.
- Zanaton HI (2013) Pendidikan berkualiti melalui pembelajaran komuniti lesson study. *Seminar Kebangsaan kali ke IV*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Zulkafli Kamaruddin (2008) *Penglibatan guru dalam membuat keputusan, sokongan organisasi dan komitmen kerja*. Universiti Sains Malaysia.